



Rujukan: AIRASIA/PENGEMBALIANSEMULA/2026

25 Februari 2026

MEMO

Kepada: Jabatan Kerajaan

Dari : Kewangan Korporat AirAsia

Tarikh : 25 Februari 2026

Tajuk : Tatacara Pengembalian/Penggunaan Semula (*Reinstatement*) Tiket Tempahan Bagi Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) AirAsia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Seperti perkara tajuk, kami lampirkan tatacara pengembalian/penggunaan semula (*reinstatement*) tiket tempahan WPUA AirAsia. Oleh itu, mohon perhatian pihak jabatan kepada perkara di bawah:

Jenis	Tindakan
Penggunaan semula tiket No-Show - pada hari yang sama	• Penukaran dibenarkan ke penerbangan berikutnya dengan caj No-Show (juga tertakluk kepada perbezaan harga, sekiranya ada) • Boleh dilakukan di kaunter lapangan terbang dan tidak memerlukan surat justifikasi. Dibenarkan pada hari yang sama sahaja • KLIA 2 – Sila hadir ke kaunter X16/<i>Service Counter</i> • Selain KLIA 2- Sila hadir ke kaunter <i>Premium Flex</i>
Penggunaan semula tiket No-Show - dalam tempoh 45 hari dari tarikh No-Show	• Penukaran dibenarkan ke tarikh penerbangan yang baharu dengan caj No-Show (juga tertakluk kepada perbezaan harga, sekiranya ada) • Proses penggunaan semula tempahan perlu diuruskan oleh pihak agensi pelancongan dan tidak memerlukan surat justifikasi



Rujukan: AIRASIA/PENGEMBALIANSEMULA/2026

25 Februari 2026

Penggunaan semula tiket No-Show - selepas 45 hari dari tarikh No-Show dan tidak melebihi 180 hari	• Penukaran dibenarkan ke tarikh penerbangan yang baharu dengan caj No-Show (juga tertakluk kepada perbezaan harga, sekiranya ada) • Proses penggunaan semula tempahan perlu diuruskan oleh pihak agensi pelancongan • Surat rasmi jabatan untuk permohonan diperlukan beserta alasan yang kukuh untuk reinstatement. • Surat rasmi daripada jabatan diperlukan bagi permohonan penggunaan semula tempahan, dengan menyertakan justifikasi yang kukuh beserta: → Salinan waran dan tiket → Surat mestilah menyatakan nama penumpang dengan jelas → Surat mesti merangkumi PNR, tarikh perjalanan asal, dan butiran penerbangan baru yang diminta (tarikh, masa, dan nombor penerbangan) → Surat harus mengesahkan bahawa jabatan atau penumpang bersetuju untuk membayar sebarang perbezaan harga tambang → Dokumen sokongan yang berkaitan mestilah dilampirkan → Bagi sebab perubatan, surat daripada hospital atau sijil perubatan (MC) mestilah disediakan. ** Keputusan pengembalian/penggunaan semula (reinstatement) tiket adalah muktamad dan bergantung sepenuhnya kepada penilaian pihak Jabatan Jualan dan Pengurusan Saluran AirAsia.
Penggunaan semula tiket No-Show selepas 180 hari	• Tidak dibenarkan



Rujukan: AIRASIA/PENGEMBALIANSEMULA/2026

25 Februari 2026

Sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi kami di 03-8660 0004 atau emel kepada maa_gov_finance@airasia.com & maa_gacsales@airasia.com

Sekian, terima kasih.

Kewangan Korporat AirAsia

AirAsia Berhad